

Soalan 1: Peristiwa Yang Membanggakan Pembaca

Oleh: Hurin Mastura 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang membanggakan pembaca.

Antara peristiwa yang membanggakan pembaca yang dapat dilihat, iaitu melalui kesanggupan Muhammad Taufiq mempertaruhkan nyawanya untuk menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato Johann Arlington-Majid. Peristiwa ini membanggakan pembaca kerana menggambarkan kesanggupan seorang kawan yang sanggup mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan kawan yang berada dalam kesusahan.

Selain itu, peristiwa yang membanggakan pembaca ialah peristiwa melalui usaha Nurul Hafsa, Muhammad Taufiq dan Budiman yang ingin meneruskan projek kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek kawasan simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk mengembalikan populasi kelip-kelip. Peristiwa ini membanggakan pembaca kerana kegigihan golongan muda untuk melestarikan alam sekitar.

Peristiwa yang ketiga ialah usaha mereka yang mampu menentang Dato Johann Arlington-Majid. Peristiwa ini dapat dilihat melalui usaha mereka yang dapat mengelakkan rancangan Dato Johann Arlington-Majid yang sering mencari jalan untuk menggagalkan usaha mereka untuk melestarikan alam sekitar. Peristiwa ini membanggakan pembaca kerana keberanian anak muda menentang musuh mereka dalam mencapai cita-cita untuk melestarikan alam sekitar.

Soalan 1: Peristiwa Yang Membanggakan Pembaca

Oleh: Azwar Farisham 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang membanggakan pembaca.

Antara peristiwa yang membanggakan dalam novel Pantai Kasih ialah peristiwa keberanian Doktor Raiha mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh Doktor Uwang. Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan majikannya, Doktor Uwang dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali. Pada pandangan mata kasar, memang tiada yang aneh berlaku terhadap Unong Siron namun naluri Doktor Raiha memberitahu bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada hasil sinar-X Unong Siron. Doktor Raiha cuba meluahkan perasaan tentang masalah tersebut kepada Doktor Uwang. Hal ini menyebabkan Doktor Uwang terasa terpukul apabila pembedahannya terhadap Unong Siron dipertikaikan oleh Doktor. Peristiwa ini mampu membanggakan pembaca kerana perjuangan seorang doktor dalam menegakkan kebenaran dalam melawan majikannya untuk menjaga hak pesakit.

Selain itu, peristiwa ketabahan Doktor Raiha dalam menghadapi desakan daripada suaminya yang tidak berperikemanusiaan untuk menggugurkan kandungannya serta menghadapi kematian anaknya yang tragis akibat mati terbakar. Peristiwa ini mampu membanggakan pembaca kerana perjuangan seorang ibu dalam melindungi anaknya dan menerima ketentuan Allah.

Soalan 2: Peristiwa Yang Menyentuh Perasaan Anda.

Oleh: Ahmad Zamir 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menyentuh perasaan saya sebagai pembaca .

Antara peristiwa yang menyentuh perasaan saya ialah kesanggupan Doktor Raiha meneruskan kandungan walaupun telah disuruh oleh suaminya iaitu Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungan tersebut setelah anak dalam kandungan itu didapati cacat kerana akan menjatuhkan maruah doktor Sadiz sebagai seorang doktor pakar bedah otak. Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana menekankan kasih sayang seorang ibu terhadap anak sejak dalam kandungan lagi.

Selain itu, peristiwa lain yang menyentuh perasaan saya ialah peristiwa ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Ibu Unong Siron juga berani mempersoalkan kewibawaan Doktor Uwang merawat anaknya sehingga perlu dibedah sebanyak lima kali oleh Doktor Uwang dan wang pampasan insurans anaknya habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan. Peristiwa ini mampu menyentuh perasaan kerana menggambarkan pengorbanan seorang ibu dalam memastikan anak mendapat rawatan sewajarnya.

Soalan2: Peristiwa Yang Menyentuh Perasaan Anda.

Oleh: Aishah Nadiya 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menyentuh perasaan saya sebagai pembaca.

Antara peristiwa yang menyentuh perasaan saya ialah kegigihan golongan muda melestarikan alam sekitar yang dapat dilihat melalui usaha Nurul Hafsa, Muhammad Taufiq dan Budiman yang ingin mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat dan populasi kelip-kelip tidak pupus. Usaha mereka ini telah mendapat tentangan daripada dato' Johan Arlington-Majid yang berterusan mencari jalan untuk menggagalkan usaha mereka tetapi berkat kegigihan mereka berjaya meyakinkan Menteri Besar dalam pembentangan projek tersebut. Peristiwa ini

menyentuh perasaan saya kerana saya kagum melihat kesungguhan anak muda yang berjuang demi memastikan alam sekitar dapat dilestarikan walaupun mendapat tentangan daripada pihak lawannya.

Selain itu, peristiwa lain yang menyentuh perasaan saya melalui kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid. Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penculik di sebuah stesen minyak Petronas untuk memastikan Nurul Hafsa dapat diselamatkan. Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana saya kagum melihat semangat setia kawan yang ditunjukkan oleh watak kerana sanggup berkorban dengan mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik.

Soalan 3: Peristiwa Yang Memaparkan Sebab-Sebab Novel Tersebut Sesuai Dijadikan Sebagai Bahan Bacaan Murid.

Oleh: Hadhinah Wadhahah 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat peristiwa yang memaparkan sebab-sebab novel ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid.

Antara peristiwa yang memaparkan sebab-sebab novel ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid ialah Doktor Raiha yang berani membuat pembedahan terhadap Unong Siron bagi memuaskannya dari pelbagai pihak yang terlibat dalam situasi tersebut. Doktor Raiha telah berjaya melakukan pembedahan terhadap Unong Siron yang kali keenam itu. Peristiwa ini memaparkan sebab novel ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid kerana sifat berani yang ditunjukkan ini boleh menyebabkan seseorang berani menerima dan melakukan pelbagai cabaran atau dugaan yang mampu ditempuhi dengan lebih berani dan cekal.

Selain itu, peristiwa melalui kisah Unong Siron yang merupakan seorang remaja yang bertungkus lumus menyimpan wang bagi membayar rawatan PRPK tanpa menyusahkan keluarganya yang kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Dia juga baharu sahaja meraih gelaran sarjana dengan bantuan biasiswa kerajaan pusat dan dijangka melanjutkan pengajian ke luar Negara. Peristiwa ini memaparkan betapa pentingnya pelajaran untuk mencapai kecemerlangan dan mampu mengubah nasib hidup keluarga agar menjadi lebih baik dan terurus dan menjamin masa depan.

Soalan 3: Peristiwa Yang Memaparkan Sebab-Sebab Novel Tersebut Sesuai Dijadikan Sebagai Bahan Bacaan Murid.

Oleh: Che Nur Aisyah 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa sebab novel ini boleh dijadikan sebagai bahan bacaan murid.

Antara peristiwa yang memaparkan sebab-sebab novel ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid ialah Muhammad Taufik berani membuat keputusan apabila dia bertindak seorang diri selepas mendapat nota menyelamatkan Nurul Hafsa. Peristiwa ini mengajar kita bahawa kita hendaklah berani membuat keputusan walau ditimpa pelbagai ancaman.

Selain itu, peristiwa melalui Budiman yang merupakan seorang abang yang bertanggungjawab serta sanggup meluangkan masa untuk menemani Nurul Hafsa di jeti bagi tujuan menceraip kelip-kelip dan juga ketika adiknya itu berbincang dengan Muhammad Taufik. Peristiwa ini membuktikan bahawa jalan cerita yang dipaparkan sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid kerana tanggungjawab seorang abang terhadap adiknya.

Soalan 4: Peristiwa Yang Menjadi Panduan Hidup Kepada Anda/Pembaca.

Oleh: Firdaus 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menjadi panduan hidup kepada pembaca.

Antara peristiwa yang menjadi panduan hidup adalah peristiwa Doktor Raiha menyatakan hasratnya untuk menjadi pakar bedah kepada ayahnya walaupun dilarang oleh ayahnya. Tindakan ini adalah untuk Raiha mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang doktor pakar bedah. Peristiwa ini menjadi panduan hidup kepada pembaca kerana berani untuk menempuh cabaran dan tidak membiarkan orang lain menentukan masa depan kita supaya kita dapat berasa bangga akan diri sendiri.

Selain itu, novel ini turut boleh menimbulkan panduan hidup kepada pembaca mengenai ketelusan dalam pekerjaan melalui peristiwa Doktor Raiha terkejut apabila mengetahui Felicia Londosi mendapat wang ganjaran daripada Doktor Uwang. Walaupun Doktor Raiha telah mengetahui perkara tersebut, Doktor Raiha tidak berasa cemburu kerana Doktor Raiha lebih mementingkan kebajikan para pesakit dan ahli keluarga mereka. Peristiwa ini menjadi panduan hidup kepada pembaca kerana kita seharusnya bersikap jujur dan telus dalam melaksanakan tugas kita dan tidak mengambil kesempatan atau rasuah di atas perkhidmatan kita.

Soalan 4: Peristiwa Yang Menjadi Panduan Hidup Kepada Anda/Pembaca.

Oleh: Emylia Natasha 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menjadi panduan hidup kepada pembaca.

Antara peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup dalam novel ini ialah apabila Budiman menemani Nurul Hafsa semasa bertemu dengan Muhammad Taufik di Perpustakaan Awam Sultan Sharafuddin, Kuala Selangor. Peristiwa ini memberikan panduan kepada kita supaya menjadi seorang abang yang bertanggungjawab dengan menemani adik perempuan bagi menjaga tata tertib perhubungan antara seorang gadis dengan lelaki bukan mahram dan mengelakkan daripada berlakunya fitnah terhadap mereka.

Selain itu, peristiwa yang boleh dijadikan panduan ialah apabila Haji Yassir menadah air hujan di dalam tempayan untuk kegunaan menyiram pokok walaupun di rumahnya ada bekalan air paip. Peristiwa ini dapat dijadikan panduan kepada kita agar sentiasa berjimat cermat dalam urusan harian dan tidak membazir.

Soalan 5: Peristiwa Yang Dapat Dikaitkan Dengan Masyarakat Yang Bertanggungjawab.

Oleh: Aina Suffia 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat yang bertanggungjawab.

Antara peristiwa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat yang bertanggungjawab ialah Doktor Raiha bertanggungjawab merawat pesakitnya, Unong Siron yang telah menjalani pembedahan sendi tulang pinggul sebanyak lima kali di bawah pengawasan Doktor Uwang. Pembedahan itu akhirnya berjaya dilakukan oleh Doktor Raiha sendiri. Doktor Raiha juga berdoa agar pembedahan yang keenam yang dilalui oleh Unong Siron berjaya. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan masyarakat bertanggungjawab kerana peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab yang dilaksanakan seorang doktor dengan sebaiknya.

Peristiwa kedua yang boleh dikaitkan dengan masyarakat yang bertanggungjawab ialah ibu Unong Siron bertanggungjawab mendapatkan rawatan untuk anaknya yang telah lima kali menjalani pembedahan tetapi masih tidak berjaya. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan masyarakat bertanggungjawab kerana peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu dalam memastikan anaknya berada dalam keadaan sihat.

Soalan 5: Peristiwa Yang Dapat Dikaitkan Dengan Masyarakat Yang Bertanggungjawab.

Oleh: Hazlinda 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari. Terdapat peristiwa yang menggambarkan masyarakat yang bertanggungjawab dalam novel tersebut.

Peristiwa pertama yang menggambarkan masyarakat yang bertanggungjawab dalam novel yang saya pelajari ini dapat dilihat melalui Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman yang bertanggungjawab untuk memastikan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor demi kepentingan pencerapan bintang malam dan kelip-kelip agar pengunjung dapat melihat bintang-bintang di Kuala Selangor. Peristiwa ini menggambarkan masyarakat yang bertanggungjawab dalam melestarikan alam sekitar.

Peristiwa yang kedua dapat dilihat melalui Nurul Hafsa yang menerima kunjungan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimigashi, Jepun pada hari pertama dia bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin sebagai pegawai sains yang telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan melayan kunjungan tersebut sebaik mungkin walaupun rombongan tersebut kecewa kerana tidak dapat melihat buruj Orion dan buruj Belantik, sebaliknya mereka hanya dapat melihat bintang Betelguesedan Altinak. Nurul Hafsa meneruskan tanggungjawabnya melayani setiap soalan yang diajukan oleh murid-murid tersebut dengan baik. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan masyarakat yang bertanggungjawab kerana seorang kakitangan yang bertugas dapat melayani rombongan dengan baik walaupun matlamat mereka untuk melihat bintang-bintang tertentu tidak kesampaian.

Soalan 6: Peristiwa Yang Menggambarkan Tindakan Watak Yang Tidak Wajar Dicontohi.

Oleh: Ayuni Iman 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi.

Antara peristiwanya ialah Doktor Uwang yang masih suka berfoya-foya di luar walaupun sudah berumah tangga. Hal ini menggambarkan Doktor Uwang masih memilih gaya hidup yang bebas tanpa dikongkong. Hal ini menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi kerana sebaliknya seorang lelaki hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab dalam diri terutamanya yang telah berumah tangga.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi ialah peristiwa Doktor Sadiz yang sanggup berniat untuk membunuh anaknya sendiri kerana malu akan anaknya seorang penghidap sindrom down. Oleh itu, Doktor Sadiz menyuruh isterinya doktor Raiha menggugurkan kandungan setelah mendapati anak di dalam kandungan itu tidak seperti bayi normal yang lain. Tindakan watak ini tidak wajar dicontohi kerana sebaliknya kita perlu bersyukur dengan rezeki yang diberi oleh Yang Maha Esa kerana anak adalah anugerah.

Soalan 6: Peristiwa Yang Menggambarkan Tindakan Watak Yang Tidak Wajar Dicontohi.

Oleh: Syaizatul Ma'wa 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari. Terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi.

Antara peristiwa yang menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi yang terdapat dalam novel tersebut ialah melalui usaha yang dilakukan oleh Dato' Johann Arlington-Majid yang cuba menggagalkan pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap oleh Nurul Hafsa kerana bimbang jika projek tersebut berjaya dilaksanakan, lampu jalan yang dibekalkan oleh syarikatnya akan terhenti. Peristiwa ini menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi kerana menunjukkan masyarakat yang sanggup mengaut keuntungan tanpa memikirkan keindahan alam sekitar yang perlu dilestarikan.

Seterusnya, peristiwa melalui keruntuhan rumah tangga yang dibina oleh Tan Sri Muhaimin dan Puan Mariam Wickham kerana tuntutan kerjaya Puan Wickham sebagai aktivis alam sekitar yang sentiasa sibuk. Keruntuhan yang diwujudkan oleh mereka telah membuatkan anak tunggal mereka, Muhammad Taufik tidak mendapat kasih sayang sepenuhnya daripada kedua-dua ibu bapa kerana mereka berpisah dan tinggal berasingan. Peristiwa ini menggambarkan tindakan watak yang tidak wajar dicontohi kerana menunjukkan masyarakat yang sanggup mengutamakan kerjaya sehingga berlaku keruntuhan rumahtangga yang menyebabkan anak tidak mendapat kasih sayang sepenuhnya.

Soalan 7: Peristiwa Yang Membuktikan Kejayaan.

Oleh: Farid Aidie 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan kejayaan yang terdapat dalam novel ini.

Peristiwa yang membuktikan kejayaan ialah Doktor Uwang telah berjaya memajukan Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga menjadi Pusat Rawatan yang memiliki kemudahan rawatan dan kepakaran dalam bidang perubatan. Perubahan Pusat Rawatan Pantai Kasih dahulunya terdiri daripada tiga orang doctor tetapi kini sudah memiliki deretan doktor dan barisan jururawat dan staf yang terlatih. Peristiwa ini dapat membuktikan kejayaan kerana kejayaan ini mampu memberi inspirasi kepada pembaca agar terus berusaha memajukan diri untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Selain itu, peristiwa yang membuktikan kejayaan ialah Doktor Raiha telah menjadi pakar pembedahan yang ternama di Pusat Rawatan Pantai Kasih berkat daripada usaha dan matlamat yang ada pada Doktor Raiha walaupun sudah dinasihati oleh ayahnya, doktor Raiha masih berdegil untuk belajar sehingga menjadi doktor pakar seperti ayahnya. Peristiwa ini membuktikan kejayaan kerana watak mampu memberi inspirasi kepada pembaca agar yakin dengan pilihan dan mengikut kemampuan diri sendiri.

Soalan 7: Peristiwa Yang Membuktikan Kejayaan.

Oleh: Husna 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan kejayaan.

Antara peristiwa yang membuktikan kejayaan ialah Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah bersatu hati dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Mereka telah berusaha mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, Muhammad Taufik sedang mengusahakan projek perumahan ikhtiar Tekno Alam dengan membina rumah mesra alam. Peristiwa ini dapat membuktikan kejayaan kerana tidak mengalah dengan cabaran yang dihadapi walaupun telah mendapat tentangan.

Selain itu, peristiwa yang membuktikan kejayaan ialah Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit tidak menjadi gelap pada waktu malam. Peristiwa ini dapat membuktikan kejayaan kerana bijak menyampaikan hujah yang bernas dalam menangani masalah yang dihadapi.

Soalan 8: Perwatakan Watak Utama/Sampingan Yang Sesuai Dicontohi Oleh Pembaca

Oleh: Nizam 5 Optimis (Pantai Kasih)

Watak utama:

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Pelbagai perwatakan watak utama yang sesuai dicontohi oleh pembaca. Watak utama dalam novel ini ialah Doktor Raiha.

Antara perwatakan watak utama yang sesuai dicontohi ialah seorang yang tabah. Contohnya, Doktor Raiha tabah menongkah arus kehidupan setelah dia kehilangan anaknya yang tersayang iaitu Rohayu dalam suatu tragedi letupan kereta oleh suaminya, Doktor Sadiz sendiri. Doktor Raiha juga tabah dalam menghadapi desakan daripada suaminya untuk menggugurkan kandungannya. Perwatakan watak utama ini sesuai dicontohi oleh pembaca agar sentiasa tabah dalam kehidupan mahupun susah atau senang.

Selain itu, watak utama merupakan seorang yang menjalankan tugas dengan penuh kejujuran. Doktor Raiha pernah membedah banyak orang kenamaan dan orang biasa. Contohnya, Doktor Raiha jujur dalam menjalankan tugasnya dengan cara menggunakan sendi tulang pinggul yang sebenar sewaktu pembedahan sendi tulang pinggul kali keenam oleh pesakit yang bernama Unong Siron. Perwatakan watak utama ini sesuai dicontohi kepada pembaca agar menjadi seorang yang sentiasa jujur dalam melaksanakan pekerjaan.

Watak sampingan:

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Pelbagai perwatakan watak sampingan yang sesuai dicontohi oleh pembaca. Watak sampingan dalam novel ini ialah Unong Siron.

Perwatakan watak sampingan yang sesuai dicontohi oleh pembaca ialah merupakan seorang yang tidak mudah berputus asa. Sebagai contoh, Unong Siron tetap juga meneruskan pembedahan sendi tulang pinggulnya sehingga enam kali pembedahan. Akhirnya, pembedahan kali keenam yang dijalannya berjaya.

Seterusnya, perwatakan watak sampingan yang sesuai dicontohi oleh pembaca ialah Unong Siron merupakan seorang gadis remaja yang mempunyai masa hadapan yang cerah untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Dia baharu sahaja meraih gelaran sarjana dengan bantuan biasiswa kerajaan pusat. Perwatakan ini sesuai dicontohi kerana watak sampingan ini gigih mendapatkan pendidikan untuk masa depan yang lebih baik.

Soalan 8: Perwatakan Watak Utama/Sampingan Yang Sesuai Dicontohi Oleh Pembaca.

Oleh: Syaziera 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Watak utama:

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Pelbagai perwatakan watak utama yang sesuai dicontohi oleh pembaca. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa.

Antara perwatakan watak utama yang perlu dicontohi ialah Nurul Hafsa merupakan seorang anak yang baik. Sebagai contohnya, Nurul Hafsa berniat untuk membina stor penyimpanan peralatan berkebun untuk ayahnya apabila dia mendapat gaji kelak. Sifat Nurul Hafsa ini perlulah kita contohi sebagai anak seperti berbakti kepada ibu bapa agar mendapat keberkatan dalam hidup dan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Selain itu, novel ini turut menunjukkan bahawa Nurul Hafsa merupakan seorang yang tabah. Sebagai contohnya, Nurul Hafsa begitu tabah ketika menghadapi pelbagai rintangan untuk melaksanakan cita-citanya, iaitu menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap. Kita sebagai orang yang ada cita-cita perlulah mencontohi perwatakan watak utama Nurul Hafsa, iaitu bertabah menghadapi segala dugaan demi mencapai kejayaan tanpa berputus asa.

Watak sampingan:

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Pelbagai perwatakan watak sampingan yang sesuai dapat dicontohi oleh pembaca. Watak sampingan dalam novel ini ialah Muhammad Taufik.

Antara perwatakan watak sampingan yang sesuai dicontohi oleh pembaca ialah seorang yang penyabar. Muhammad Taufik bersikap tenang dan sabar ketika berhadapan dengan Nurul Hafsa yang berasa marah kepadanya kerana tindakannya memagar sungai di Kampung Kuantan. Perwatakan watak sampingan ini sesuai dicontohi kerana sabar dalam melayani kerendah orang lain terhadap kita.

Seterusnya, perwatakan watak sampingan yang sesuai dicontohi ialah seorang yang komited dalam melakukan sesuatu perkara. Sebagai contoh, Muhammad Taufik telah membina sebuah rumah prototaip Ikhtiar Teknoalam walaupun memerlukan modal yang besar. Perwatakan ini menggambarkan kegigihan dan komited demi mencapai matlamat dan sesuai dijadikan contoh oleh pembaca.

Soalan 9: Peristiwa Yang Menimbulkan Simpati

Oleh: Dinie Rifdi 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat peristiwa yang menimbulkan simpati sebagai pembaca novel tersebut.

Peristiwa yang menimbulkan simpati ialah melalui kesanggupan Doktor Raiha meneruskan kandungan walaupun telah disuruh oleh suaminya Dr Sadiz supaya menggugurkan kandungan tersebut setelah didapati cacat kerana akan menjatuhnya maruahnyanya sebagai seorang doktor pakar bedah otak. Peristiwa ini begitu menimbulkan simpati saya kerana saya bersimpati melihat Dr Raiha yang berkeras untuk menjaga kandungannya sehingga melahirkan anak dan enggan menurut kemahuan suaminya kerana anak yang dikandung itu adalah anugerah tuhan yang perlu diterima dengan penuh kasih sayang walaupun didapati cacat. Peristiwa ini menimbulkan simpati kerana ketabahan seorang ibu mempertahankan kandungannya kerana sifat kasih sayang yang tinggi.

Peristiwa lain yang menimbulkan simpati ialah melalui ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya Unong Siron sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Ibu Unong Siron juga berani mempersoalkan kewibawaan Doktor Uwang yang merawat anaknya sehingga perlu dibedah sebanyak lima kali oleh Dr. Uwang dan duit pampasan insuran anaknya habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan tersebut. Peristiwa ini menimbulkan simpati kerana saya sebak dengan tindakan seorang ibu yang sanggup berkorban untuk memastikan anaknya sembuh semasa menerima rawatan.

Soalan 9: Peristiwa Yang Menimbulkan Simpati

Oleh: Irma Shamimi 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari.

Peristiwa pertama yang menimbulkan simpati kepada pembaca ialah kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johan Arlington-Majid. Muhammd Taufik sanggup berjumpa dengan penculik Nurul Hafsa di stesen minyak Petronas untuk menyelamatkan Nurul Hafsa sehingga dirinya cedera dipukul oleh penculik tersebut. Peristiwa ini dapat menimbulkan rasa simpati kerana seseorang itu sanggup mengambil risiko yang tinggi untuk menyelamatkan kawannya.

Selain itu, peristiwa melalui usaha Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman yang ingin mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat dan populasi kelip-kelip tidak pupus. Usaha mereka ini mendapat tentangan daripada Dato' Johan Arlington-Majid yang berterusan mencari jalan untuk menggagalkan usaha mereka. Peristiwa ini menimbulkan rasa simpati kerana projek mereka yang mendatangkan banyak manfaat kepada alam dan manusia ini tidak disukai oleh orang lain.

Soalan10: Peristiwa Yang Dapat Dijadikan Pengajaran.

Oleh: Alif Aiman 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran.

Antara peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran ialah Doktor Uwang gigih membangunkan empayar Pusat Rawatan Pantai Kasih. Hal ini kerana Pusat Rawatan Pantai Kasih bermula daripada sebuah pusat rawatan kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan eksklusif yang terkemuka sewaktu berada di bawah kendalian Doktor Uwang. Peristiwa ini dapat dijadikan pengajaran kerana kita hendaklah melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Selain itu peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran ialah peristiwa doktor Raiha tidak menaruh perasaan dendam terhadap Felicia Landosi walaupun Felicia Landosi telah berterus terang bahawa dia juga terlibat dalam kejadian malang yang menimpa anak Doktor Raiha. Peristiwa ini dapat dijadikan pengajaran kerana kita tidak seharusnya menaruh perasaan dendam terhadap orang lain.

Soalan 10: Peristiwa Yang Dapat Dijadikan Pengajaran.

Oleh: Fatin Nadhirah 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari. Terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca.

Antara peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca ialah peristiwa Muhamad Taufik telah pergi ke stesen minyak Petronas untuk menemui lelaki yang tidak dikenali seorang diri dan akhirnya dia telah diculik. Peristiwa ini menjadi pengajaran kepada pembaca kerana kita mestilah berhati-hati dan sentiasa berwaspada sepanjang masa untuk menjaga keselamatan diri.

Seterusnya, peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca ialah peristiwa Nurul Hafsa kecewa kerana hanya dapat melihat enam ekor kelip-kelip di sungai Kampung Kuantan. Peristiwa ini menjadi pengajaran kepada pembaca kerana kita perlulah menjaga alam sekitar untuk mengelakkan daripada berlakunya kemusnahan habitat haiwan.

Soalan 11: Cara Watak Utama Menyelesaikan Konflik

Oleh: Abdul Rafie 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Watak utama dalam novel ini ialah Doktor Raiha. Terdapat pelbagai konflik yang dialami oleh watak utama dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik Doktor Raiha dengan suaminya Doktor Sadiz. Doktor Sadiz telah meminta Doktor Raiha menggugurkan kandungan apabila mendapati bayi di dalam kandungan tersebut lain daripada bayi normal yang lain. Dia telah dipaksa menggugurkan kandungan kerana bayi cacat itu akan menjejaskan reputasi Doktor Sadiz sebagai seorang doktor pakar bedah. Cara watak utama menyelesaikan konflik ini, iaitu dengan tidak menghiraukan paksaan Doktor Sadiz dan menjaga kandungan tersebut sehingga selamat dilahirkan.

Konflik yang kedua ialah konflik watak utama dengan Sister Felicia Landosi. Felicia Landosi berterus terang kepada Doktor Raiha dengan menceritakan hal yang sebenarnya. Dia menyatakan bahawa dirinya dan Doktor Uwang menjadi mangsa keadaan. Sebenarnya Doktor Sadiz yang merancang dan membakar keretanya itu sehingga menyebabkan anak perempuan mereka mati. Felicia merayu dan memohon maaf kepada Doktor Raiha. Cara watak utama menyelesaikan konflik ini, iaitu dengan memaafkan Felicia Landosi dan tidak berdendam.

Soalan 11: Cara Watak Utama Menyelesaikan Konflik.

Oleh: Abdul Rafie 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa. Terdapat pelbagai konflik yang dihadapi oleh Nurul Hafsa dalam novel ini.

Konflik yang pertama ialah konflik dengan diri sendiri. Nurul Hafsa berkonflik dengan dirinya sendiri apabila memikirkan kegagalan pengunjung dari Jepun untuk melihat bintang. Murid dan guru pengiring daripada sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima gagal melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar kerana langit pada malam tersebut menjadi cerah. Nurul Hafsa runsing dengan situasi tersebut kerana dia baru mula bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Dia menyelesaikan konflik ini dengan mengakui bahawa masalah yang terjadi berpunca daripada kesan negatif akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Selangor mengakibatkan pencemaran cahaya.

Konflik yang kedua ialah Nurul Hafsa menghadapi konflik dengan Puan Foziah, pegawai atasan Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor berkenaan laporan terhadap kecerahan langit Kuala Selangor. Nurul Hafsa berusaha menyediakan laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor namun tidak mendapat kerjasama daripada pegawai atasan, sebaliknya Nurul Hafsa dinasihati agar tidak mengharapkan sebarang tindakan kerana tiada undang-undang alam sekitar yang telah dilanggar di Kuala Selangor. Nurul Hafsa menyelesaikan konflik ini dengan membuat pembentangan kertas kerjanya dengan pegawai daerah dan para panel penasihat. Dalam pembentangan tersebut, dia menjelaskan bahawa pencemaran cahaya paling mudah untuk dikawal dan dikurangkan, iaitu dengan menggunakan sumber cahaya pada tahap minimum untuk mencapai tujuan yang spesifik.

Soalan 11: Cara Watak Utama Menyelesaikan Konflik.

Oleh: Syamimi Zuhairah 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari hasil karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Cara watak utama menyelesaikan konflik yang pertama ialah Nurul Hafsa yang bertugas sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Beliau dikunjungi oleh pelajar-palajar dari Jepun untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar tanpa sebarang bantuan alat pencerap namun gagal kerana langit terlalu cerah. Nurul Hafsa yang pada mulanya runsing akhirnya telah mengambil langkah bijak bagi menyelesaikan masalah dengan mengemukakan hujah yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung tersebut. Cara ini dapat menyelesaikan konflik kepada pembaca agar menangani masalah dengan bijak dalam sesuatu perkara.

Selain itu, Nurul Hafsa telah membuat satu pembentang Projek Kawasan Simpan Langit Gelap dihadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Namun mendapat tentangan oleh Dato' Johann Arlington-Majid dan telah mengupah tiga orang tonto untuk memastikan projek tersebut tidak berjaya. Muhammad Taufik telah terlibat dengan kemalangan kemudian Nurul Hafsa telah diculik dan Muhammad Taufik cuba membebaskan Nurul Hafsa dengan mengikut arahan penculik untuk berjumpa di stesen minyak Petronas. Nurul Hafsa dibebaskan dan sebaliknya Taufik yang diculik. Cara watak utama menyelesaikan konflik ini, iaitu Nurul Hafsa terus membuat laporan polis di IPD Kuala Selangor. Balai Polis Bestari Jaya mendapat aduan penduduk tentang aktiviti yang mencurigakan dan Pasukan Gerak Khas telah berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.

Soalan 12: Peristiwa Yang Menimbulkan Kesedaran Kepada Pembaca.

Oleh: Khairina Syamielia 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama yang menimbulkan kesedaran pembaca ialah peristiwa Doktor Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun telah dipaksa oleh suaminya. Doktor Raiha telah dipaksa oleh Doktor Sadiz untuk menggugurkan kandungannya setelah mendapati janin dalam kandungannya cacat melalui ujian ultra bunyi. Doktor Sadiz tidak menerima kelahiran bayinya yang cacat disebabkan statusnya sebagai pakar perunding pembedahan yang terkenal. Keegangan Doktor Raiha mematuhi kehendak Doktor Sadiz menyebabkan hubungan mereka suami isteri semakin tegang sehingga berlaku penceraian. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar tetap menghargai anak-anak kurang upaya kerana anak itu merupakan anugerah Allah.

Peristiwa kedua ialah peristiwa Doktor Raiha begitu tabah menerima pelbagai dugaan yang berlaku dalam hidupnya. Ketabahan Raiha bermula dengan gangguan peristiwa hitam keruntuhan rumah tangganya. Walaupun dia dijadikan bahan tontonan sewaktu kes perceraian tersebut mendapat liputan media dan dia gagal dalam kes tersebut, namun dia meneruskan kehidupan dengan tabah. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa tabah menghadapi pelbagai dugaan dalam kehidupan.

Soalan 12: Peristiwa Yang Menimbulkan Kesedaran Kepada Pembaca.

Oleh: Fahizah 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang telah saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang memberi kesedaran kepada pembaca.

Antara peristiwa yang menimbulkan kesedaran pembaca adalah peristiwa Muhammad Taufiq yang meminta ayahnya membeli 50 hektar tanah sepanjang Kampung Sungai Kuantan dan dia memagari tanah tersebut.

Tindakan ini adalah untuk memelihara populasi kelip-kelip yang kian pupus akibat peningkatan kecerahan langit. Walaupun tindakan Muhammad Taufik menyebabkan kemarahan Nurul Hafsa, namun tujuannya adalah untuk menjaga populasi kelip-kelip, bukannya untuk kepentingannya sendiri. Peristiwa ini menimbulkan kesadaran kepada pembaca kerana perkara yang dilakukan itu dapat memastikan alam sekitar terpelihara supaya keindahan alam dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.

Selain itu, novel ini turut boleh menimbulkan kesadaran kepada pembaca dapat dilihat melalui peristiwa Muhammad Taufik yang telah dimasukkan ke hospital selepas dcederakan oleh tiga orang individu tidak dikenali. Tan Sri Muhaimin risau akan Muhammad Taufik setelah melihat anaknya ditempatkan di dalam wad menerusi cermin gelap dan berdoa akan keselamatan anaknya. Puan Maryam memaksa Muhammad Taufik pulang ke Otago kerana bimbang akan keselamatan anaknya. Peristiwa ini menimbulkan kesadaran kepada pembaca kerana kasih sayang ibu bapa terhadap anak tidak terbatas walaupun mereka tinggal berjauhan.

Soalan 12: Peristiwa Yang Menimbulkan Kesedaran Kepada Pembaca.

Oleh: Irsafini 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menimbulkan kesadaran kepada pembaca.

Antara peristiwa yang menimbulkan kesadaran kepada pembaca adalah peristiwa Muhammad Taufiq yang meminta ayahnya membelikan 50 hektar tanah sepanjang Kampung Sungai Kuantan dan dia memagari tanah tersebut. Tindakan ini adalah untuk memelihara populasi kelip-kelip yang kian pupus akibat peningkatan kecerahan langit. Walaupun tindakan ini telah menyebabkan kemarahan Nurul Hafsa, namun tujuannya adalah untuk menjaga populasi kelip-kelip, bukannya untuk kepentingan diri sendiri. Peristiwa ini menimbulkan kesadaran kepada pembaca kerana untuk memastikan alam sekitar terpelihara supaya keindahan alam semula jadi dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.

Seterusnya, peristiwa yang kedua adalah peristiwa sikap Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham Abdullah yang mementingkan kerjaya masing-masing dan keras hati menyebabkan mereka terpisah dengan anak tunggal mereka Muhammad Taufiq yang juga merindui kasih sayang mereka. Peristiwa ini memberikan kesadaran kepada pembaca kerana sebagai ibu bapa kita mestilah menjaga rumah tangga dan anak-anak kita agar mereka tidak berasa diabaikan.

Soalan 12: Peristiwa Yang Menimbulkan Kesedaran.

Oleh: Dinie Rifdi 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menimbulkan kesadaran kepada pembaca.

Salah satunya ialah peristiwa ini dapat dilihat melalui peristiwa kegigihan Doktor Raiha untuk memastikan pembedahan sendi tulang pinggul kali keenam yang akan dilakukan olehnya ke atas Unong Siron sembuh kembali. Dalam hal ini Doktor Raiha telah meneliti beberapa kali Sinar-X sendi tulang pinggul Unong Siron untuk mencari punca berlakunya infeksi ke atas Unong Siron setelah lima kali pembedahan dilakukan tetapi masih belum sembuh. Peristiwa ini menimbulkan kesadaran kepada pembaca kerana setiap tugas yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya masalah buruk tidak akan berlaku pada kemudian hari.

Selain itu, peristiwa yang menimbulkan kesadaran kepada pembaca dalam hal mempertahankan hak sebagai seorang ibu dapat dilihat melalui peristiwa Doktor Raiha yang tetap dengan keputusannya untuk meneruskan kandungan walaupun suaminya Doktor Sadiz meminta supaya kandungan tersebut digugurkan setelah didapati cacat kerana akan menjatuhkan maruah sebagai doktor pakar bedah otak. Doktor Raiha cuba mempertahankan haknya sebagai seorang ibu untuk melahirkan anak tersebut walaupun dia tahu anak itu akan dilahirkan dalam keadaan cacat nanti. Peristiwa ini menimbulkan kesadaran kepada pembaca kerana kita hendaklah menyayangi anak yang merupakan anugerah tuhan yang tidak ternilai dan perlu dijaga dengan baik walaupun dilahirkan dalam keadaan cacat.

Soalan 13: Peristiwa Yang Tidak Wajar Dicontohi Oleh Pembaca.

Oleh: Fazreen Azira 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca.

Antara peristiwa yang tidak wajar dicontohi oleh pembaca ialah peristiwa Doktor Sadiz yang tergamak memaksa isterinya, Doktor Raiha untuk menggugurkan kandungannya setelah mendapati kandungan itu cacat dan bentuk bayi dalam kandungan Doktor Raiha itu lain daripada bayi lain yang normal kerana dapat menjatuhkan maruah Doktor Sadiz sebagai seorang doktor pakar bedah otak. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana sikap yang menunjukkan seorang suami yang kejam dan tidak menghargai zuriat kurniaan Allah SWT.

Selain itu, peristiwa yang turut tidak wajar dicontohi oleh pembaca iaitu mengenai Felicia Landosi yang tidak berterus terang dan menyimpan rahsia tentang kematian anak perempuan Doktor Raiha dan Doktor Saidz tentang kemalangan yang berlaku sehingga meragut nyawa anak perempuan Doktor Raiha, Rohayu kerana berasa takut. Kematian itu disebabkan anak perempuan Doktor Raiha disambar api yang sedang marak akibat kereta yang

disimbah dengan petrol oleh Doktor Sadiz. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi pembaca kerana bersikap tidak berterus terang dalam menjelaskan kebenaran dan sanggup bersubhat sehingga berlakunya tragedi buruk.

Soalan 13: Peristiwa Yang Tidak Wajar Dicontohi

Oleh: Irsafini 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang tidak wajar dicontohi kepada pembaca.

Antara peristiwa yang tidak wajar dicontohi kepada pembaca adalah peristiwa tidak bertolak ansur antara Tan Sri Muhaimin dengan bekas isterinya, Puan Maryam Wickham binti Abdullah, seorang aktivis alam sekitar yang tidak sehaluan dengannya yang menyebabkan berlakunya perceraian. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana wujudnya sikap mementingkan diri sendiri sehingga tidak memikirkan perasaan anak yang memerlukan kasih sayang kedua-dua ibu bapa.

Seterusnya, peristiwa yang kedua ialah peristiwa sikap tamak dan dendam Dato' Johann Arlington-Majid terhadap Tan Sri Muhaimin yang menyebabkan beliau sanggup mengupah penjenayah untuk menculik dan mencederakan anak kepada Tan Sri Muhaimin, Muhammad Taufik. Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita sebagai manusia tidak boleh melakukan perbuatan jenayah yang mampu merosakkan masa depan.

Soalan 14: Peristiwa Yang Meninggalkan Kesan Kepada Pembaca.

Oleh: Rafie Hasbullah 5 Optimis (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Pelbagai peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca.

Antara peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca adalah sikap Doktor Raiha yang menegur Felicia Landosi yang melayani Ibu Unong Siron dengan cara yang kasar. Doktor Raiha menegur Felicia agar melayani semua pesakit dengan adil. Felicia Landosi selalu melayani pesakit yang bergelar Datin dengan sangat mesra serta sopan santun tetapi layanan yang diberikan kepada Ibu Unong Siron tidaklah mesra dan melayaninya dengan sangat kasar. Peristiwa ini meninggalkan kesan kepada pembaca kerana sikap berani seseorang untuk menegur kesalahan yang dilakukan dan mestilah melayani semua manusia secara adil tidak mengira umur, usia, pangkat dan tahkta.

Selain itu, peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah Doktor Raiha tidak menggugurkan kandungannya apabila disuruh oleh suami kerana didapati anak yang dikandungkan oleh Doktor Raiha cacat dan Doktor Raiha sanggup melahirkan anaknya walaupun dalam keadaan cacat. Peristiwa ini meninggalkan kesan kepada pembaca kerana kesungguhan seorang ibu yang sanggup mengabaikan permintaan suami demi melihat kandungannya dapat dilahirkan.

Soalan 14: Peristiwa Yang Meninggalkan Kesan Kepada Pembaca.

Oleh: Fazlieyana 5 Optimis (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca.

Antara peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah peristiwa Tan Sri Muhaimin membantu Muhammad Taufik menyelesaikan masalah kekurangan populasi kelip-kelip di Kuala Selangor. Tan Sri Muhaimin telah membeli tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan terus ke Kampung Api-api seluas 50 hektar. Muhammad Taufik telah memagar anak sungai supaya kelip-kelip ada tempat untuk bersembunyi. Tindakan ini dilakukan untuk memelihara populasi kelip-kelip yang hampir pupus akibat peningkatan kecerahan langit. Peristiwa ini meninggalkan kesan kepada pembaca untuk menjaga alam sekitar supaya populasi kelip-kelip terus terjaga dan terpelihara.

Selain itu, peristiwa yang meninggalkan kesan ialah Nurul Hafsa meneruskan tugas mencerao populasi kelip-kelip sewaktu Muhammad Taufik dirawat di hospital kerana dia telah berjanji, iaitu sekiranya berlaku sesuatu perkara terhadap Muhammad Taufik, dia akan meneruskan kerja-kerja untuk mencerao populasi kelip-kelip itu. Peristiwa ini meninggalkan kesan kerana semangat juang yang tinggi seorang sahabat dalam meneruskan cita-cita mereka walau apa-apa jua keadaan yang berlaku.

Soalan 15: Peristiwa Yang Menggambarkan Kepincangan Masyarakat. (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat.

Antara peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat ialah Tan Sri Muhaimin yang mementingkan perniagaan dan Maryam Wickham yang mementingkan aktiviti mencintai alam sekitar sehingga sanggup bercerai apabila masing-masing tidak dapat bertolak ansur. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat kerana hanya mementingkan kerjaya sehingga sanggup mengambil tindakan yang radikal.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat ialah DATO' Johann Arlintong-Majid yang tamak sanggup melakukan perbuatan jenayah dengan mengupah penjenayah untuk menculik anak Tan Sri

Muhaimin agar Tan Sri Muhaimin menarik balik sebut harga pembekalan harga lampu. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat kerana wujudnya sikap tamak.

Soalan 15: Peristiwa Yang Menggambarkan Kepincangan Masyarakat. (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat.

Antara peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat ialah Doktor Uwang memikirkan keuntungan yang berlipat ganda selepas mengambil alih Pusat Rawatan Pantai Kasih daripada ayahnya Datu Untong. Dia tidak menghiraukan sama ada pesakit yang mendapatkan rawatan di pusat rawatannya itu mampu atau tidak asalkan dia mendapat keuntungan dengan meletakkan harga yang dirasakan munasabah untuknya. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat kerana mementingkan keuntungan sahaja.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat ialah Sister Felicia Landosi tidak berterus terang dengan Doktor Raiha tentang kemalangan yang berlaku sehingga meragut nyawa anak perempuan Doktor Raiha kerana takut. Felicia tahu bahawa Doktor Sadiz yang menyiram minyak petrol ke kereta mewah Porsche miliknya akibat rasa marah terhadap Doktor Raiha. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat kerana takut berterus terang dalam perkara yang sebenar sehingga meragut nyawa.

Soalan 16: Peristiwa Yang Bertitik Tolak Daripada Niat Mendidik Remaja Dan Sebab Pengarang Berbuat Sedemikian. (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang bertitik tolak daripada niat mendidik remaja.

Antara peristiwa yang bertitik tolak daripada mendidik remaja ialah Muhammad Taufik dan Budiman taat akan perintah agama kerana mereka berdua sering menunaikan solat berjemaah di masjid. Mereka menunaikan solat Isyak di masjid bersama-sama. Pengarang berbuat sedemikian kerana ingin mendidik remaja mentaati ajaran agama dalam kehidupan.

Selain itu, peristiwa yang bertitik tolak daripada niat mendidik remaja ialah Nurul Hafsa telah berjanji membina stor bagi memudahkan ayahnya menyimpan peralatan-peralatan berkebun apabila dia mendapat gaji kelak. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang anak yang baik kepada ayahnya. Pengarang berbuat sedemikian kerana ingin mendidik remaja agar menyayangi dan menghormati kedua-dua ibu bapa.

Soalan 16: Peristiwa Yang Bertitik Tolak Daripada Niat Mendidik Remaja Dan Sebab Pengarang Berbuat Sedemikian. (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang bertitik tolak daripada niat mendidik remaja.

Antara peristiwa yang bertitik tolak daripada mendidik remaja ialah Doktor Raiha prihatin terhadap nasib yang menimpa Unong Siron. Baginya pembedahan sebanyak enam kali tidak sepatutnya berlaku apatah lagi doktor yang melakukan pembedahan tersebut ialah doktor pakar yang bukan calang-calang. Rasa prihatin itu terbit dan mengharapkan agar pembedahan keenam merupakan pembedahan yang terakhir dan berakhirlah penderitaan dan kesakitan yang dialami Unong Siron. Pengarang berbuat sedemikian kerana ingin mendidik remaja agar memupuk nilai keprihatinan dalam diri.

Selain itu, peristiwa yang bertitik tolak daripada mendidik remaja ialah peristiwa yang begitu banyak pancaroba yang dilalui oleh Doktor Raiha. Cita-citanya untuk menjadi doctor bedah ditentang ayahnya. Dia juga menghadapi kematian anaknya dan suaminya yang tidak bertanggungjawab yang sering menghukum dirinya. Namun begitu, dengan hati yang cekal dan tabah, Doktor Raiha berusaha meneruskan hidupnya yang sukar itu. Pengarang berbuat sedemikian kerana ingin mendidik remaja agar tabah menghadapi kesukaran hidup dengan cekal dan tabah.

Soalan 17: Peristiwa Yang Dikaitkan Dengan Kesepakatan Melakukan Sesuatu Pekerjaan Yang Diketengahkan Oleh Pengarang. (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang dikaitkan dengan kesepakatan melakukan sesuatu pekerjaan yang diketengahkan oleh pengarang.

Antara peristiwa tersebut ialah Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa saling membantu untuk menjayakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap dan berasa risau apabila salah seorang daripada mereka diancam. Mereka juga sering berbual-bual tentang kepentingan manusia memelihara alam sekitar dan juga tentang jejak karbon, iaitu ciptaan industrialis Barat untuk menakut-nakutkan dunia agar kita lumpuh dalam ketakutan dan kemalasan apabila melihat angka dan peratusan. Peristiwa ini jelas menggambarkan kesepakatan melakukan pekerjaan melestarikan alam sekitar yang diketengahkan oleh pengarang.

Selain itu, peristiwa yang dikaitkan dengan kesepakatan melakukan sesuatu pekerjaan yang diketengahkan oleh pengarang ialah dengan bantuan dan pengarah Tan Sri Muhaimin, Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik Berjaya membuat pembentangan kepada Pegawai Derah Kuala Selangor. Kemudian, Menteri Besar telah

mengadakan majlis terbuka kepada orang ramai untuk mendengar pembentangan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap tersebut. Peristiwa ini jelas menggambarkan kesepakatan dan bantuan yang dihulurkan berjaya melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih mudah.

Soalan 17: Peristiwa Yang Dikaitkan Dengan Kesepakatan Melakukan Sesuatu Pekerjaan Yang Diketengahkan Oleh Pengarang. (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang dikaitkan dengan kesepakatan melakukan sesuatu pekerjaan yang diketengahkan oleh pengarang.

Antara peristiwa tersebut ialah Doktor Raiha, Doktor Muhammad, Doktor Alex Ng, ibu Unong Siron dan petugas yang lain bekerjasama untuk membebaskan Felicia Landosi yang ditahan oleh doktor palsu di dalam bilik bedah. Berkat kerjasama dan kebijaksanaan mereka, Felicia Landosi berjaya dibebaskan. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan kesepakatan melakukan sesuatu pekerjaan yang diketengahkan oleh pengarang kerana berjaya menghadapi situasi yang mencemaskan dan dapat menyelesaikannya.

Selain itu, peristiwa Doktor Uwang terlibat dalam kemalangan kereta yang dipandunya. Dia merempuh tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih akibat seluruh tubuhnya tidak dapat berfungsi dengan baik apabila tangannya berasa kebas dan lututnya kejang. Dia dikeluarkan dari kenderaan mewah yang dipandunya dengan bantuan pekerja-pekerja pusat rawatan tersebut. Dengan persetujuan isteri Doktor Uwang, Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng menjalankan pembedahan penggantian sendi tulang pada pergelangan tangan dan lutut Doktor Uwang. Mereka bersepakat dan bekerjasama menyelamatkan nyawa Doktor Uwang. Peristiwa ini dapat dikaitkan dengan kesepakatan membantu seseorang yang dalam musibah yang telah diketengahkan oleh pengarang.

Soalan 18: Peristiwa Yang Menyentuh Tentang Maruah Watak Dalam Novel. (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menyentuh tentang maruah watak dalam novel ini.

Salah satu watak yang terdapat dalam novel ini ialah Muhammad Taufik. Antara peristiwa yang menyentuh tentang maruah watak ini ialah Muhammad Taufik tidak marah akan Nurul Hafsa yang telah menyindir perbuatannya yang memagar sebahagian daripada sungai Selangor. Sebaliknya, Muhammad Taufik menjelaskan bahawa dia yang meminta ayahnya membelikan tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan, terus ke kampung Api-api yang berkeluasan 50 hektar. Semua ini dilakukannya apabila dia mendapati populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan semakin berkurangan akibat kehadiran pelancong yang ramai dengan bunyi enjin motor bot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia dan cahaya rodaferris yang semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Dia memagar anak sungai tersebut dengan harapan kelip-kelip mempunyai tempat untuk bersembunyi dan akan meruntuhkan pagar itu apabila populasi kelip-kelip sudah pulih kembali. Nurul Hafsa yang mendengar penjelasan tersebut memohon maaf daripada Muhammad Taufik kerana telah tersalah anggap terhadap pemuda tersebut. Peristiwa ini menyentuh tentang maruah watak kerana watak ini menggambarkan seorang yang amat sabar menghadapi tuduhan sekali gus menjelaskan perkara sebenar yang berlaku.

Selain itu, peristiwa yang menyentuh tentang maruah salah satu watak dalam novel ini ialah Tan Sri Muhaimin telah menggunakan pengaruhnya untuk membuka peluang kepada anaknya Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa bagi membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor. Muhammad Taufik meminta pertolongan ayahnya Tan Sri Muhaimin untuk menyokong rancangannya untuk menjadikan Kuala Selangor satu kawasan simpan langit gelap secara industri untuk tujuan kaji bintang amatir dan profesional dan untuk menghalang kepupusan kelip-kelip. Pertemuan Tan Sri Muhaimin dengan rakan lamanya Tan Sri Yahya telah membuka ruang kepada mereka untuk berbicara tentang zuriat masing-masing. Pada akhir perbualan, Tan Sri Muhaimin bertahmit apabila menyedari bahawa usaha-usaha anaknya selama ini merupakan gabungan ciri-ciri terbaik dua orang manusia bernama Muhaimin dan Maryam. Peristiwa ini menyentuh maruah watak kerana watak ini telah menggunakan kuasa dan pengaruhnya untuk kebaikan.

Soalan 18: Peristiwa Yang Menyentuh Tentang Maruah Watak Dalam Novel. (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menyentuh tentang maruah watak dalam novel ini. Salah satu watak yang terdapat dalam novel ini ialah Doktor Raiha.

Antara peristiwa yang menyentuh tentang maruah watak dalam novel ini ialah Doktor Raiha berpegang teguh kepada pendiriannya dan tegas untuk tidak menggugurkan kandungannya. Dia disuruh oleh suaminya Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungan kerana anak yang dikandungnya itu lain daripada bayi lain yang normal kerana dapat menjatuhkan maruah Doktor Sadiz sebagai seorang doktor pakar bedah otak. Peristiwa ini menyentuh tentang maruah watak kerana berpegang teguh dengan pendiriannya sebagai seorang ibu untuk meneruskan kandungannya walaupun anak dalam kandungannya itu didapati cacat.

Selain itu, peristiwa yang menyentuh tentang maruah watak dalam novel ini ialah Doktor Raiha sanggup dan tabah menerima tugas untuk membedah Unong Siron walaupun tahu sepatutnya pembedahan tersebut dilakukan oleh Doktor Uwang. Akan tetapi, atas kepercayaan yang diberikan menjadikan dia setuju untuk membedah pesakit itu buat kali keenam. Dia melakukan dengan sebaik mungkin supaya Unong Siron akan dapat mengakhiri penderitaan kesakitannya selepas itu. Peristiwa ini menyentuh tentang maruah watak kerana sanggup menggalas tanggungjawab pekerjaannya sebaik mungkin.

Soalan 19: Peristiwa Yang Menunjukkan Kasih Sayang Antara Ahli Keluarga. (Bimasakti Menari)

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rohayu Mohd Yusop. Terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga.

Antara peristiwa tersebut ialah seusai solat Zohor berjemaah, Budiman bertanyakan khabar Nurul Hafsa tentang hari pertama dia bekerja di balai cerap. Setelah mendapat jawapan yang mengecewakan daripada adiknya, Budiman yang merupakan seorang guru Sains di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Keramat sejak tiga tahun yang lalu membaca laporan menggunakan Skala Langit Gelap Bortle yang ditaip adiknya, Nurul Hafsa. Dia telah bercadang kepada adiknya untuk bertemu Muhammad Taufik. Sepanjang pertemuan tersebut, Nurul Hafsa sering bersetuju dengan pendapat Muhammad Taufik menyebabkan abangnya, Budiman tersenyum melihat gelagat dua pencinta alam tersebut. Namun begitu, dia sedar bahawa adiknya Nurul Hafsa dan sahabatnya Muhammad Taufik mempunyai misi penting yang tidak boleh dilalaikan dengan emosi. Akhirnya, Muhammad Taufik mengingatkan Nurul Hafsa tentang tujuan asal mereka bertemu. Muhammad Taufik akan menolongnya membawa kembali kegelapan ke Kuala Selangor. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga kerana seorang abang sanggup melakukan sesuatu perkara bagi menyokong tindakan adiknya untuk menyelamatkan spesies kelip-kelip.

Selain itu, peristiwa yang menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga ialah Puan Maryam Wickham dan Tan Sri Muhaimin tidak pernah bermusuh tentang penjagaan anak mereka Muhammad Taufik, malah sering memberikan sokongan kepadanya walaupun mereka telah bercerai. Puan Wickham tetap mengambil berat tentang projek Ikhtiar TeknoAlam yang diusahakan anaknya Muhammad Taufik walaupun mereka jarang-jarang dan sukar untuk bertemu. Manakala, Tan Sri Muhaimin pula berusaha membantu anaknya Muhammad Taufik untuk mengekalkan habitat kelip-kelip. Beliau menggunakan keupayaannya untuk membeli tanah demi menjaga alam sekitar. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga kerana kedua-dua ibu bapa yang telah bercerai tidak pernah mengabaikan tanggungjawab mereka membesarkan anak dengan penuh kasih sayang.

Soalan 19: Peristiwa Yang Menunjukkan Kasih Sayang Antara Ahli Keluarga. (Pantai Kasih)

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga.

Antara peristiwa tersebut ialah Doktor Raiha begitu sayang akan anaknya Rohayu walaupun didapati Rohayu cacat sebelum dilahirkan lagi. Baginya, anaknya itu mempunyai hak untuk lahir ke dunia dan mendapatkan kasih sayangnya. Selepas Rohayu dilahirkan, Doktor Raiha menghabiskan banyak masa melayani Rohayu berbanding bekas suaminya, Doktor Sadiz yang mengharap agar anaknya itu dihantar ke pusat penjagaan jauh dari situ bagi mengelakkan taraf dan kewibawaannya dijadikan bahan perbincangan ramai. Peristiwa ini jelas menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga kerana seorang ibu sanggup berkorban nyawa dan masa membesarkan anak walau apa-apa jua keadaan.

Selain itu, peristiwa yang menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga ialah melalui ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya Unong Siron sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Ibu Unong Siron juga berani mempersoalkan kewibawaan Dr. Uwang merawat anaknya sehingga perlu dibedah sebanyak lima kali oleh Dr. Uwang dan duit pampasan insuran anaknya habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan tersebut. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang antara ahli keluarga kerana seorang ibu sanggup berkorban bagi memastikan anaknya mendapat rawatan sewajarnya sehingga sembuh.